



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI ISNIN : 31 JULAI 2017**

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO.8 HINGGA NO. 103)**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD  
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING  
PARLIMEN MALAYSIA**

**SOALAN NO: 8**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR AZMAN BIN ISMAIL  
[ KUALA KEDAH]  
TARIKH : 31 JULAI 2017  
SOALAN : 8**

**YB Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan larangan Kementerian terhadap Terapi Ozon. Mengapakah para doktor yang terlatih dalam rawatan komplementari ini juga dilarang sedangkan rawatan ini digunakan tanpa masalah oleh para doktor di kebanyakan negara di dunia.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan amat mementingkan keselamatan pesakit dan sewajarnya pengamal perubatan mengamalkan cara rawatan yang terbukti berkesan dan selamat.

Keputusan melarang penggunaan Terapi Ozon diambil setelah kajian yang teliti dan menyeluruh dilakukan. Beberapa penilaian teknologi kesihatan ke atas terapi ozon telah dilaksanakan semenjak tahun 2005 dan yang terbaru pada tahun 2017, mendapati tiada bukti saintifik yang menyokong sebarang manfaat terapeutik penggunaan terapi ozon bagi

4

mana-mana penyakit. Terdapat bukti saintifik yang menunjukkan rawatan ini mendedahkan pesakit kepada pelbagai komplikasi termasuk pendarahan dan jangkitan kuman. Terdapat juga kes kematian yang dilaporkan.

Kaedah rawatan ini menyalahi undang-undang dan peraturan sedia ada. Mesin yang digunakan untuk amalan terapi ozon adalah peranti perubatan yang perlu didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP) di bawah Akta Peranti Perubatan 2012. Setakat ini tiada mana-mana pihak yang menjalankan perkhidmatan terapi ozon yang mendaftarkan mesin mereka dengan PBPP. Penggunaan produk heparin (ubat mencairkan darah) bagi rawatan terapi ozon oleh pihak yang tidak diberi kuasa seperti dinyatakan dalam Akta Racun 1952 yang dikuatkuasakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF) adalah satu kesalahan.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Pengamal-pengamal terapi ozon ini adalah tidak berdaftar dan menjalankan rawatan tanpa kebenaran dan kelulusan. Ini akan mengancam keselamatan pesakit. Tambahan lagi, terapi ozon juga tidak diiktiraf oleh Pihak Berkuasa Perubatan di kebanyakan negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada, Korea dan Sepanyol.

Mengambil kira bukti saintifik dan isu-isu lain yang dinyatakan tadi, Kementerian telah mengambil keputusan melarang penggunaan terapi ozon.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG GANDUM**  
**[JULAU]**

**TARIKH : 31 JULAI 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Datuk Joseph Salang Gandum [Julau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status penukaran istilah "lain-lain" untuk Bumiputera bukan Islam di Sarawak kepada "Dayak".**

**JAWAPAN : YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 November 2014 telah membincangkan isu klasifikasi kaum dalam borang-borang Kerajaan. Perkara ini berbangkit kerana terdapat borang-borang Kerajaan yang mengklasifikasikan kaum-kaum Bumiputera Sarawak sebagai "lain-lain". Jemaah Menteri berpandangan bahawa adalah wajar isu klasifikasi kaum dikaji semula dan ditetapkan secara umum agar tidak memberi implikasi negatif dari aspek sosial dan pemupukan perpaduan.

6

Seterusnya, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Januari 2015 telah memutuskan agar Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak (JTBSS) mengkaji cadangan penggunaan klasifikasi kaum 'Dayak' bagi menggantikan 'Bumiputera Sarawak' atau 'lain-lain kaum' dalam borang-borang Kerajaan. Susulan itu, Mesyuarat JTBSS pada 5 Mac 2015 **telah bersetuju** dengan cadangan penggunaan klasifikasi kaum 'Dayak' bagi menggantikan 'Bumiputera Sarawak' atau 'Lain-lain Kaum' dalam borang kerajaan. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Oktober 2015 telah bersetuju keputusan JKTBS tersebut.

Hasil daripada mesyuarat-mesyuarat susulan yang telah diadakan, Kerajaan telah memutuskan untuk memansuhkan penggunaan istilah 'Lain-lain' bagi klasifikasi kaum dalam borang-borang rasmi Kerajaan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan **telah menetapkan** klasifikasi kaum dalam borang-borang rasmi Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) Melayu
- (ii) Cina
- (iii) India
- (iv) Dayak
- (v) Kaum: ..... (Sila nyatakan).

Susulan itu, arahan pelaksanaan telah dikeluarkan kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan Kerajaan/YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan melalui Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 27 April 2016. Walau bagaimanapun, pelaksanaan arahan ini adalah secara pentadbiran bagi borang-borang yang tidak melibatkan keperluan pindaan undang-undang. Keputusan pindaan borang-borang

Kerajaan akan dimuktamadkan setelah mengambil kira pendirian Kerajaan Negeri Sabah mengenai klasifikasi kaum di Sabah.

Semakan MAMPU berhubung status penukaran istilah "lain-lain" dalam borang-borang Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) borang online: semua kaum dipaparkan melalui menu *drop-down* seperti di portal *e-recruitment* Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Negeri Sarawak dan *Electronic Resident and District Office* (R&DO); dan
- (ii) borang bercetak: ruangan kaum dikosongkan dan perlu diisi sendiri oleh pemohon seperti dalam borang Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak, SPA Negeri Sarawak dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

Soalan No:10

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[BATU GAJAH]**

**TARIKH : 31.7.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan mengapakah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dipilih secara rawak untuk mengikuti program latihan Blue Ocean Strategy secara online (BOSOT) memandangkan program ini dikendalikan oleh sebuah syarikat swasta dan tiada kaitan dengan pendidikan. Berapakah perbelanjaan kerajaan untuk mengendalikan program ini.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

NBOS Summit pada 17 Jun 2016 telah memberi mandat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dengan kerjasama Malaysia Blue Ocean Strategy Institute (MBOSI) untuk melaksanakan BOSOT dalam perkhidmatan awam yang melibatkan seramai 200,000 penjawat awam (Gred 41-54) mulai tahun 2016 sehingga 2017. Pada tahun 2016, seramai 1,500 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) KPM terlibat dalam latihan tersebut.



BOSOT bertujuan untuk memastikan lebih ramai penjawat awam termasuk PPP memiliki ciri-ciri **kreatif dan inovatif** dalam melaksanakan tugas mereka.

Pemilihan peserta dibuat dengan mengambil kira penempatan yang mempunyai capaian internet yang stabil dan infrastruktur ICT yang baik terutamanya dengan fokus kepada pegawai di Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Bagi PPP yang bertugas di sekolah, peserta dipilih berdasarkan sekolah yang mempunyai capaian internet 4G.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, BOSOT ini dibiayai oleh Perbendaharaan Malaysia secara terus dengan pembekal perkhidmatan. KPM hanya bertindak sebagai pelaksana dalam mengenal pasti PPP yang akan melaksanakan kursus secara '*online*' ini.

RJM45